

Opus Consultants Cadang Buka Ibu Pejabat di Sarawak

KUALA LUMPUR, 20 September - OPUS Consultants (M) Berhad ("OPUS Consultants"), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat milik penuh UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), baru-baru ini bercadang untuk mengembangkan lagi pusat perkhidmatannya dan membuka ibu pejabat di Sarawak.

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta bersama Tan Sri Dr. Azmil Khalid, Pengerusi UEM Edgenta, Encik Shariman Yusof, Pengarah Urusan Edgenta Propel dan Ir. Vincent Tang, Pengarah Urusan OPUS Sarawak, telah mengunjungi Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bagi memberi perincian terhadap aktiviti-aktiviti UEM Edgenta dan OPUS Consultants di Sarawak.

"Kami bercadang dan meminta Premier Sarawak untuk memberi laluan kepada kami bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak dan membuka ibu pejabat baharu OPUS Consultants di Sarawak," kata Syahrudin.

"Premier Sarawak amat berbesar hati untuk kami meneruskan cadangan itu dan kami akan bekerjasama dengan Sarawak Economic Development Corporation ("SEDC") dan PPES Consult Sdn Bhd ("PCSB") untuk membangunkan negeri Sarawak sebagai negeri yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030, selaras dengan visi beliau. Dengan kerjasama SEDC, OPUS Consultants akan mewujudkan pusat pengurusan fasiliti dan rangkaian bekalan di negeri Sarawak," tambah Syahrudin.

Dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam menyampaikan projek-projek mega, OPUS Consultants, peneraju pasaran dalam perkhidmatan perundingan kejuruteraan dan pengurusan aset, kini menguruskan kitaran hayat aset melebihi 4,000 km (empat ribu kilometer) lebuhraya bertol, pembinaan jalan raya dan projek menaik taraf di Sabah dan Sarawak serta menyediakan penyelesaian yang inovatif dan praktikal untuk projek infrastruktur dan pengangkutan berskala besar.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi &

penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.